



KENYATAAN MEDIA

PEMBERHENTIAN KERJA KAKITANGAN MALINDO AIRWAYS

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) amat memahami dan prihatin permasalahan yang dihadapi oleh pekerja-pekerja industri penerbangan di negara ini.
2. Sektor penerbangan merupakan antara sektor yang paling terjejas sehingga kini disebabkan kekangan pergerakan penumpang dan juga pelancong dari dalam dan luar negara akibat penularan pandemik Covid-19. Pemulihan sektor ini dijangka mengambil masa yang lama sehingga 2023 sehingga memaksa majikan dalam industri penerbangan mengambil keputusan untuk melepaskan pekerja bagi mengelakkan syarikat menanggung kerugian berterusan termasuklah Malindo Airways Sdn. Bhd. (Malindo Airways).
3. Malindo Airways telah melaksanakan pemberhentian pekerja melibatkan **2,647** orang sejak 1 November 2020. Pihak majikan juga menawarkan notis cuti tanpa gaji (untuk tempoh satu tahun) kepada 439 kakitangan dengan harapan ekonomi kembali pulih dan mereka akan dipanggil bekerja semula. Seramai 347 lagi telah ditawarkan Skim Pemisahan Sukarela (VSS), manakala baki 1,861 pekerja diberi notis pemberhentian kerja dengan pampasan minimum di bawah Akta Kerja 1955.
4. KSM melalui jabatan dan agensi, **Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP)**, **Jabatan Tenaga Kerja (JTK)** dan **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)**, telah mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan Malindo Airways semalam (3 November 2020) bagi memastikan hak-hak pekerja yang terjejas dilindungi dan diberikan bantuan yang sewajarnya.
5. Selain daripada pampasan yang disediakan oleh majikan, KSM juga akan memastikan semua kakitangan syarikat penerbangan tersebut menerima faedah kehilangan pekerjaan melalui Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). Pada masa yang sama, PERKESO akan membantu mereka dalam carian pekerjaan melalui portal MYFutureJobs.

6. Kakitangan Malindo Airways juga layak untuk mengikuti program latihan (*reskilling, upskilling*) yang disediakan oleh PERKESO atau Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), di mana yuran latihan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan.
7. Para pekerja yang terlibat dengan pemberhentian kerja dinasihatkan supaya segera mengemukakan permohonan faedah SIP secara dalam talian melalui **eis.perkeso.gov.my** atau hadir di mana-mana pejabat PERKESO yang berhampiran.
8. Dalam perbincangan yang diadakan semalam, pihak pengurusan Malindo Airways menyatakan bahawa mereka menerima bantuan **Program Pengekalan Pekerjaan (ERP)** untuk dua bulan iaitu bagi **bulan April dan Mei 2020**. Bayaran ERP untuk bulan April telah memberi manfaat kepada 2,112 pekerja Malindo Airways yang melibatkan bayaran sebanyak RM1.26 juta. Sementara itu, bayaran ERP bagi bulan Mei pula telah disampaikan kepada 2,478 pekerja yang membabitkan bayaran RM1.48 juta.
9. Semua kakitangan syarikat tersebut yang menerima ERP **tidak diberhentikan kerja pada bulan berkenaan**. Pihak Malindo Airways juga mengesahkan bahawa **kesemua bayaran yang diterima, telah disalurkan kepada semua pekerja yang terlibat**.
10. Rekod PERKESO turut menunjukkan bahawa Malindo Airways telah menerima bayaran **Program Subsidi Upah (PSU)** berjumlah **RM240,000.00** bagi bulan **Julai dan Ogos 2020 untuk 200 orang pekerja**. PSU adalah inisiatif Kerajaan untuk meringankan beban majikan dari segi kos operasi dan secara tidak langsung, mengelakkan pekerja daripada hilang pekerjaan dan punca pendapatan.
11. Sementara itu, bagi 439 kakitangan Malindo Airways yang menerima notis cuti tanpa gaji (untuk tempoh 1 tahun), mereka boleh menganggap bahawa kontrak perkhidmatan mereka telah terputus dan seterusnya mengemukakan tuntutan kehilangan pekerjaan di bawah SIP, supaya mereka mendapat bantuan untuk kelangsungan hidup sementara mendapat pekerjaan baharu.

DATUK SERI M. SARAVANAN
MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
4 NOVEMBER 2020